

BAB 5

PENEMUAN DAN KESIMPULAN

5.1 Rumusan Analisis Filem

Secara keseluruhan filem yang dianalisis tidak 'bermasalah' besar menggunakan kaedah penyuntingan sebagai teknik penceritaan. Ini kerana filem patriotik yang dipilih merupakan filem yang pernah memenangi filem terbaik di Festival Filem Malaysia. Filem *Matinya Seorang Patriot* (1984) bukan sahaja memenangi filem terbaik, malah menggondol enam anugerah lain termasuk anugerah Penyuntingan Terbaik pada Festival Filem Malaysia ke-5. Manakala filem *Lefthenan Adnan* (2000) mengungguli filem terbaik di Festival Filem Malaysia ke-15.

Drama tv pula ditangani oleh mereka yang bukan calang-calang orang dalam industri perfilman negara. Mahadi J. Murat selaku pengarah *Jiwa Perkasa* (1998) pernah juga mengecapi anugerah Pengarah Terbaik melalui *Sayang Salmah* (1995) di Festival Filem Malaysia ke-12 manakala Nurhalim Ismail selaku pengarah *Janji Merdeka* (1995) juga merupakan satu nama yang tidak asing dalam industri ini.

Aziz M. Osman dalam *Leftenan Adnan* (2000) telah menggunakan kerja-kerja penyuntingan sebagai teknik penceritaan dengan baik dan sempurna. Namun, kesilapan kerana tidak menggunakan teknik *cross-cutting* ketika menyunting aksi dalam adegan Ayob di kejar oleh tentera Jepun dilihat bertentangan dengan saranan D.W. Griffith. Tetapi Aziz mungkin mempunyai alasan lain untuk tidak mengaplikasi kaedah ini. Sebenarnya hal ini tidak membawa masalah besar kerana penonton masih dapat mengikuti dan memahami naratif atau cerita pada setiap *cuts* yang dibuat oleh Aziz.

Kelemahan ketara yang dikesan daripada kesilapan Aziz ialah dalam membuat suntingan piktorial, iaitu gagal mengekalkan halatuju pemikiran pengarah.

Mengekalkan halatuju pemikiran pengarah bermaksud mengekalkan hubungan antara adegan dengan adegan lain (*scene of contact*) dan kegagalan mengekalkannya menyebabkan beberapa masalah timbul. Dalam hal ini umpamanya dalam syot 738-789 (durasi 1:53':00"-2:08':49"), tentera Jepun menyerang batalion Adnan di Bukit Pasir Panjang. Kedatangan tentera Jepun jelas dari arah kiri menyerang askar Melayu yang berada di bahagian kanan *frame*. Kedudukan secara berdepan ini dikekalkan dan kelihatan makin berkesan bila tembak-menembak mula berlaku. Dengan mengekal halatuju ini memboleh penonton mengenal imej walaupun berlaku acap kali pemotongan syot. Tetapi dalam membuat *close up*, Aziz kehilangan ruang, dan ruang ini akan dikelirukan lagi bila watak tersebut menoleh. Dengan ini watak ini sudah berubah posisi. Dan jika watak ini melakukan tembakan, seolah-olah dia menembak ke arah rakannya sendiri. Inilah antara kesilapan yang dikesan dalam filem ini.

Untuk mengatasi masalah ini, Aziz seharusnya mengikuti saranan Griffith, iaitu pergerakan keluar-masuk aktor dari *frame*, mestilah sentiasa konsistan

selari dan arah mesti dikekalkan dan jika aktor keluar dari *frame*, amat sesuai dia masuk semula dari arah kiri. Ini untuk mengelakkan kelihatan aktor itu berpusing 180°. Justeru, kewujudan *sence of contact* ini menjelaskan kesinambungan kepengarahan mesti dikekalkan dalam sesebuah adegan.

Penyampaian cerita melalui teknik penyuntingan lain seperti penyuntingan dialog dilakukan dengan baik. Cara Aziz menghasilkan *dramatic overtone* dalam adegan Ahmad membaca surat, menggunakan teknik suara latar (*off-skrin narrator*), dan penyuntingan melalui bahu watak yang bertentangan (*shooting over the shoulder*) terhadap watak Ah Seng dan Ibrahim Yaacob ternyata memberi kesan pada visual terhadap penceritaan yang ingin disampaikan. Tetapi penyuntingan paling terpuji ialah penyuntingan bunyi dan montaj. Penyuntingan bunyi menurut teori yang dianjurkan oleh tiga tokoh yang dikaji manakala montaj telah berjaya memperkuatkan imej patriotik filem ini terutama kepada watak utamanya. Namun, penggunaan imej bunga raya sangat terhad dan sepatutnya diperbanyak lagi untuk adegan-adegan seterusnya.

Kesimpulannya, dari segi penggunaan teknik penyuntingan sebagai alat menyampaikan cerita, Aziz M. Osman sudah berjaya mengangkat *Leftenan Adnan* (2000) sebagai sebuah filem perang terbaik yang pernah dihasilkan di negara kita. Beberapa kelemahan yang ditemui semasa analisis tidak dikira mencacatkan keseluruhan jalan cerita ataupun idea yang mahu disampaikan oleh pengarahnya.

Berbanding Aziz, Mior Hashim Manap dalam *Matinya Seorang Patriot* (1984), dilihat mengaplikasikan beberapa teknik penyuntingan secara maksimum sehingga naratif cerita ini tidak bersifat kronologi. Penggunaan teknik imbas kembali dilihat sangat cemerlang dilakukan oleh Mior Hashim. Sifat patriotik Hj. Shahban hanya boleh dikesan melalui teknik seperti ini kerana watak Hj. Shahban, asalnya telah meninggal dunia. Kekerapan membuat imbas kembali menyebabkan cerita ini tidak lagi mengikut garis kronologi. Namun, kekuatan sebenar teknik penceritaan selain bergantung kepada teknik ini, juga dibantu oleh teknik montajnya. Mior Hashim hampir menggunakan kesemua teknik montaj yang dinyatakan oleh Eisenstein. Malah siri montajnya yang terakhir tidak keterlaluan jika dikatakan telah

mencapai taraf "the third meaning" dalam teori montaj intelektual Eisenstein.

Montaj yang dikerjakan oleh Mior Hashim cenderung kepada jenis tematik montaj kerana bersifat *flash-forwards*, *flashbacks*, dan *cutaways*. Montaj ini sesuai sebagai teknik penceritaan kerana ia memberi peluang para pengarah mengembangkan idea-idea tanpa terkongkong oleh faktor kronologi. Selain itu ia turut memberi kebebasan kepada pengarah untuk menyingkapkan ciri-ciri masa yang subjektif.

Secara keseluruhannya, Mior Hashim mengaplikasikan semaksimum mungkin aspek penyuntingan yang dikaji sebagai alat untuk bercerita. Teknik ini telah berjaya membawa khalayak penonton menikmati keseluruhan jiwa cerita filem ini. Dia bukan sahaja berjaya mengaplikasikan teknik-teknik montaj dengan baik, bahkan setiap adegan yang dibinanya berupaya membawa satu sintesis yang bermakna, yang dikatakan sebagai "*an artistic whole*". Inilah yang dikatakan oleh Eisenstein iaitu montaj merupakan *life principle* yang memberi makna kepada setiap syot yang dihasilkan.

Kategori drama tv dilihat agak kurang menyerlah dari segi penggunaan aspek penyuntingan sebagai teknik bercerita. Kategori ini lebih senang membiarkan teknik lain memain peranan ini daripada memanipulasikan aspek penyuntingan. Kerja penyuntingan *Janji Merdeka* (1995) yang dilakukan oleh Lim Kok Teng lebih hanya bersifat *cutting to continuity* yang bertindak tidak lebih daripada menyambung satu syot kepada satu syot yang lain. Berbanding Lim Kok Teng, Meor Shahrul dalam *Jiwa Perkasa* (1998) dilihat menggunakan beberapa teknik penyuntingan yang tepat terutama visual yang melibatkan teknik *pace: rhythm*, penggunaan montaj saranan Eisenstein, dan beberapa teknik yang lain lagi. Meor Shahrul dilihat agak berjaya menerbitkan konsep seorang tentera yang konservatif yang mahu diperkatakan oleh pengarah sebelumnya. Di sini penyuntingan dilihat mampu membantu pengarah dalam penyampaian idea kepengarahaninya.

5.2 Dapatan Kajian

Hasil daripada analisis kajian ini mendapati penggunaan aspek penyuntingan sebagai teknik penceritaan ada digunakan atau diaplikasi oleh penyunting dalam filem atau drama tv yang dikaji.

Secara relatifnya, penggunaan teknik ini dalam filem lebih menonjol berbanding drama tv. Filem *Leftenan Adnan* (2000) memakai 11 jenis teknik daripada keseluruhan jenis yang dinyatakan dalam bab dua kajian, manakala *Matinya Seorang Patriot* (1984) melibatkan 15 jenis teknik. Drama tv *Janji Merdeka* (1995) menggunakan enam jenis teknik dan *Jiwa Perkasa* (1998) hanya menggunakan empat teknik. Secara relatif, penggunaan teknik penyuntingan dalam filem *Matinya Seorang Patriot* (1984) lebih baik berbanding *Leftenan Adnan* (2000) kerana lebih kemas, menepati sekaligus mengaplikasi teori yang disarankan termasuk teknik-teknik kecil di bawah keseluruhan teknik ini. Jadual di sebelah menunjukkan jumlah dan jenis teknik penyuntingan yang digunakan oleh penyunting dalam filem dan drama tv yang dianalisis. (Rujuk jadual di sebelah).

Daripada jadual yang dinyatakan di sebelah, dilihat adanya aplikasi teori penyuntingan, walaupun tidak secara menyeluruh dan kadang-kala terdapat kesilapan semasa aplikasi, dalam setiap filem dan drama tv yang dikaji. Ini menunjukkan penyunting filem dan drama tv ini mempunyai pengetahuan tentang teori

Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik penceritaan dalam filem Leftenan Adnan (2000)			
Jenis penyuntingan yang dikaji	Menepati saranan teori penyuntingan		
	Ya	Tidak	Sebahagian
1. Penyuntingan aksi		✓	
2. Penyuntingan dialog;			
a. Penyuntingan melalui bahu watak yang bertentangan	✓		
b. Pengadunan bunyi dan dialog	✓		
3. Montaj	✓		
4. Penyuntingan bunyi	✓		
5. Penyuntingan warna	✓		
6. Suntingan piktorial;		✓	
a. Perubahan saiz dan imej		✓	
b. Mengkalkan hala tuju pemikiran pengarah		✓	
c. Pemasaan (<i>Timing</i>)	✓		
d. Menentukan kelajuan:rentak (<i>Pace:rhythm</i>)	✓		
7. Pemilihan syot	✓		

Jadual 1: Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik penceritaan dalam filem *Leftenan Adnan* " (2000)

Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik penceritaan dalam filem *Matinya Seorang Patriot* (1984)

Jenis penyuntingan yang dikaji	Menepati saranan teori penyuntingan		
	Ya	Tidak	Sebahagian
1. Montaj Pembukaan	✓		
2. Aplikasi ruang dan masa filem (<i>film space and film time</i>)	✓		
3. Penyuntingan dialog	✓		
4. Teknik imbas kembali:			
a. Teknik imbas kembali 1	✓		
b. Teknik imbas kembali 2	✓		
c. Teknik imbas kembali 3	✓		
d. Teknik imbas kembali 4	✓		
5. Montaj:			
a. <i>Rhythmic montage</i>	✓		
b. <i>Ideological montage</i>	✓		
c. <i>Thematic montage</i>	✓		
d. <i>Classical cutting</i>	✓		
6. Teknik pencelahan visual			
a. Teknik pencelahan visual 1	✓		
b. Teknik pencelahan visual 2	✓		
c. Teknik pencelahan visual 3	✓		
d. Teknik pencelahan visual 4	✓		

Jadual 2: Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik penceritaan dalam filem *Matinya Seorang Patriot* (1984).

Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik penceritaan dalam drama tv *Janji Merdeka* (1996)

Jenis penyuntingan yang dikaji	Menepati saranan teori penyuntingan		
	Ya	Tidak	Sebahagian
1.Teknik imbas kembali	✓		
2.Penyuntingan aksi			✓
3.Penyuntingan dialog			✓
4.Montaj	✓		
5.Penyuntingan tatabunyi	✓		
6.Aplikasi ruang dan masa filem (<i>film space and film time</i>)	✓		

Jadual 3: Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik teknik penceritaan dalam drama tv *Janji Merdeka* (1996).

Jadual analisis penyuntingan sebagai teknik penceritaan dalam drama tv *Jiwa Perkasa* (1998)

Jenis penyuntingan yang dikaji	Menepati saranan teori penyuntingan		
	Ya	Tidak	Sebahagian
1. Penyuntingan yang licin (<i>smooth cutting</i>)	✓		
2. Montaj	✓		
3. Dialog	✓		
4. Menentukan kelajuan; rentak (<i>pace:rhythm</i>)	✓		

Jadual 4: Jadual analisis teknik penceritaan melalui teknik penyuntingan dalam drama tv *Jiwa Perkasa*

penyuntingan yang diutarakan oleh tokoh yang dikaji. Tidaklah diketahui sama ada secara kebetulan atau tidak, tetapi teknik yang diaplikasi dalam filem dan drama tv masing-masing dilihat menepati kehendak dan saranan teori ini pada sesetangah tempat seperti yang ditandakan dalam jadual berkenaan.

Jadual 1 menunjukkan analisis filem *Lettenan Adnan* (2000). Sebanyak 11 jenis teknik penyuntingan yang disentuh oleh penyuntingnya, Aziz M. Osman. Daripada jumlah ini, tiga daripadanya didapati menyimpang daripada saranan teori penyuntingan iaitu penyuntingan aksi, perubahan saiz dan imej, dan mengekalkan hala tuju pengarah. Namun, seperti yang telah dinyatakan, mungkin penyuntingnya mempunyai maksud tersendiri memilih untuk tidak mengikut konvensi teori ini. Akhirnya, penyunting ini terpaksa menerima padahnya apabila visual yang dihasilkannya mempunyai pertentangan logik yang nyata dengan penonton terutama dalam aspek mengekalkan hala tuju pengarah, iaitu apabila dilihat askar Melayu menghala senapang dan menembak ke arah pihak sendiri, bukan kepada musuh yang sepatutnya.

Jadual 2, analisis terhadap filem *Matinya Seorang Patriot* (1984). Penyuntingnya, Mior Hashim Manap, menggunakan 15 teknik penyuntingan termasuk aspek imbas kembali dan pencelahan visual yang diulang sebanyak empat kali. Relevan membuat ulangan terhadap teknik ini kerana di sinilah paksi naratif filem ini. Segala hukum sebab dan akibat seterusnya bertolak dari sini. Keseluruhannya, Mior Hashim dilihat menyenangi segala teori ini dengan mematuhi segala hukum yang dinyatakan dalam melaksanakan 15 teknik ini. Sebelum ini, memang Mior Hashim seorang penyunting berbakat di Malaysia. Pengarah-pengarah yang menitikberatkan aspek seni, sering mendapatkan khidmat beliau sebagai penyunting untuk melengkapkan 'jiwa' filem sebelum keluar di panggung. Kini, selain menyunting, Mior Hashim juga mengarah dan menulis skrip filem. Kebanyakan filem-filem hasil tangannya berjaya memberi artistik dan kepuasan kepada penggiat filem yang mementingkan seni.

Jadual 3 menerangkan drama tv *Janji Merdeka* (1996). Daripada enam jenis teknik yang digunakan, dua daripadanya didapati penggunaannya tidak konsisten. Aspek penyuntingan aksi dan penyuntingan dialog

dilihat kadang-kala menuruti teori dan kadang-kala mengingkari teori penyuntingan. Di sini mendedahkan pengetahuan penyuntingnya, Lim Kok Teng bahawa beliau belum benar-benar memahami dan tidak bersedia menggunakan teori ini. Lagipun, secara keseluruhan aspek penyuntingan sebagai teknik untuk bercerita dalam drama tv ini amat sederhana. Penyuntingannya lebih bersifat menyambung dari satu syot kepada syot lain dan bersahaja.

Jadual 4, analisis terhadap drama tv *Jiwa Perkasa* (1998). Drama ini hanya memakai empat jenis teknik penyuntingan dan penyuntingnya, Meor Shahrul dilihat bersependapat dengan Moir Hashim, iaitu mengambil jalan mengikuti semua teori penyuntingan dalam menjalankan kerjanya. Namun, penggunaan teknik penyuntingan yang terhad membayangkan bahawa drama tv ini lebih senang membiarkan aspek lain dalam filem memainkan peranan untuk bercerita. Sekurang-kurangnya, Meor Shahrul dilihat memilih untuk mematuhi teori ini sudah cukup menyatakan bahawa beliau juga seorang yang berpengetahuan dan menyokong tentang peri pentingnya teori ini sebagai panduan dalam menjalankan kerja menyunting filem.

Teknik penyuntingan bukanlah satu jalan sahaja yang menentukan perkiraan darjah pencapaian mutu sesebuah filem atau drama tv. Sebaliknya, terdapat perkara lain yang lebih diberi perhatian seperti aspek sinematografi, lakonan, lakon layar dan sebagainya. Teknik penyuntingan hanya merupakan salah satu daripada aspek ini. Gabungan daripada keseluruhan aspek inilah yang menentukan taraf sesebuah filem dan drama tv yang boleh dikatakan bermutu.

5.3 Kesedaran Filem Sebagai Ilmu

Dalam memperkatakan tentang aspek penyuntingan ini, tidak ditemui walau satu buku filem pun sepanjang kajian ini yang berpendapat bahawa aspek ini tidak penting sebagai sebahagian daripada teknik penceritaan dalam filem. Pengarah filem, penyunting dan pengritik filem sama ada di Malaysia ataupun di negara lain, rata-ratanya mengakui dan sentiasa menyedari bahawa aspek ini tidak sahaja penting, malah perlu kepada perubahan. Jika mahukan perubahan, dan hal ini difikirkan secara serius, kita harus melihat kepada gedung dan khazanah ilmu. Hakikat tradisi ilmu kita masih lemah dalam dunia filem. Buku-buku yang memperkatakan filem dalam Bahasa Malaysia masih boleh

dibilang dengan jari. Hal ini tidak sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di negara lain juga. Tidak hairanlah jika Satyajit Ray pernah berkata, "Seseorang pembuat filem jarang-jarang menulis mengenai filem."¹ Di Malaysia, dapat dikatakan semangat membaca dan menulis belum lagi membudaya, apatah lagi bagi bidang ilmu 'minoriti' seperti filem.

Namun terdapat juga beberapa buku tentang filem yang meliputi biografi atau autobiografi tokoh filem tertentu, kumpulan ulasan filem, pemerhati filem dan wartawan, panduan tentang sesuatu disiplin perfileman, dan sejarah filem. Antaranya termasuklah;

Gagak Di Rimba: Suatu Kisah Hidup P. Ramlee (1966) oleh Abdullah Hussain

Sejarah Filem Melayu (1980) oleh Sharifah Zinjuaher H.M. Ariffin dan Hang Tuah Arshad
Asas-Asas Cerita Rekaan dan Seni Lakon (1982) oleh Darwis Harahap

Kualiti Drama dan Filem Melayu (1983) oleh Rahman Shaari

Cintai Filem Malaysia (1989) diselenggarakan oleh FINAS

Glosari Perfileman (1989) oleh Mansor Puteh

Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah (1990) oleh Jamil Sulong

Manusia P. Ramlee (1993) oleh Wan Hamzah (Wahba)

Mengamati Filem Cereka (1993) oleh Darawis Harahap

Kritikan Filem Mansor bin Puteh (1995) oleh Mansor bin Puteh

Kenangan Abadi P. Ramlee (1998) oleh Ramli Ismail

Layar Perak dan Sejarahnya (1998) oleh M. Amin dan Wahba

P. Ramlee: Sepanjang Riwayatku (1998) terbitan Arkib Negara.

Sementara dua buku yang menyenaraikan filmografi filem Melayu daripada era awal hingga kini ialah *Daftar Filem Melayu 1933-1993* (1993) yang diperbaharui dengan *Film Industry in Malaysia* (1997), kedua-duanya diselenggarakan oleh FINAS. Dewan Bahasa dan Pustaka juga pernah mengambil inisiatif menterjemahkan buku tentang filem seperti *Lakon Layar: Asas Penulisan Skrip* (1990) oleh Syd Field.

Akhir 90-an, barulah lahir buku yang berkait dengan teori dan kritikan filem seperti *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian* (1995) oleh Naim Hj. Ahmd, *The Malay Cinema* (1997) oleh Hatta Azad Khan, *Hamzah Hussin: Dari Keris Film ke Studio Merdeka* (1997), *Suria Kencana: Biografi Jins Shamsudin* (1998) oleh Mohd. Zamperi A. Malek, dan *Keadaan dan Permasalahan Penulis dan Penulisan Skrip* (1998) oleh Asiah Sarji, Faridah Ibrahim dan Mazni Buyong.

Seminar kritikan filem pertama misalnya hanya bermula pada 21-23 Disember 1981. Bengkel lakonan pula hanya bermula pada pertengahan 1982. Sementara bengkel penulisan lakon layar hanya bermula penghujung tahun 1983. Bengkel berkenaan penyuntingan hanya dijalankan secara 'kecil-kecilan' di FINAS.² Biasanya kegiatan ilmu ini kurang mendapat sambutan. Diskusi atau seminar filem selalu dilihat sebagai membuang masa atau tempat meluahkan rasa tidak berpuas hati dan menghentam orang lain.

Malaysia agak lewat memperkenalkan filem sebagai kursus pembelajaran di universiti iaitu sekitar era 80-an. Hal ini seolah-olah satu tanggapan bahawa bidang ini tidak penting sehingga perlu diajar di institusi pengajian tinggi. Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM), merupakan institusi pengajian tinggi pertama menawarkan kursus filem diikuti Sekolah Komunikasi Massa, Institut Teknologi Mara (ITM), (kini telah dinaik taraf menjadi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM), Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), dan

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Universiti-universiti ini biasanya tidak menawarkan semua kursus filem yang sepatutnya diketahui mahasiswa sebaliknya hanya menawarkan sebahagian sahaja. Kursus filem yang lengkap ialah kursus secara sepadu Teori Filem, Sejarah Filem, Penulisan Lakon Layar Filem, Produksi Filem dan Kritikan Filem.³ Tidak keterlaluan jika dikatakan faktor yang menyumbang kepada kelesuan filem Melayu ialah lambatnya kesedaran atau tindakan yang melibatkan tradisi ilmu ini.

5.4 Saranan Kajian masa Depan

Polemik menghasilkan filem bercorak atau bertema patriotik pernah mendapat perhatian media massa sedikit masa dahulu. Entah mengapa filem bercorak sebegini sukar dihasilkan oleh negara kita sehingga jumlahnya tidak sampai sepuluh buah walhal negara kita telahpun merdeka 47 tahun yang lalu. Filem *Pahlawan Pasir Salak* yang diusahakan oleh Datuk Jins Shamsudin sejak hampir sepuluh tahun yang lalu, sehingga kini belum menjelma hasilnya. Filem *Putera Merdeka* yang pernah dihebohkan dua tahun lalu juga turut sepi. Mahadi J. Murat yang menjadi teraju utama, khabarnya sudahpun sampai ke peringkat menyiapkan lakon layar.

Masalah apa yang menyekat sehingga peringkat seterusnya gagal diteruskan, tidaklah diketahui. Alangkah hampanya andai benar produksi ini telah gagal kerana sehingga kini, inilah satu-satunya filem bercorak autobiografi tentang Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman cuba diusahakan.

Berbalik kepada filem *Pahlawan Pasir Salak*, Kerajaan negeri Perak telah berbelanja lebih tiga juta hanya untuk membiayai peringkat awalan produksi, membayangkan kesediaan pihak kerajaan menyediakan dana mewah sekaligus menepis alasan jika mahu dikatakan kekurangan modal adalah masalah utama. Pengusahanya (mungkin sekaligus bertindak sebagai pengarah), Datuk Jins Shamsudin, seorang tokoh perfileman ulung negara yang telah meletakkan namanya dalam kelas tersendiri dalam dunia perfileman Malaysia melalui kejayaan filem arahannya yang juga bercorak patriotik iaitu *Bukit Kepong* (1982). Daya kreatif, pengalaman dan kepakaran sudah tentu berada dipihak beliau. Kekurangan bahan rujukan sejarah? Sudah tentu ini bukan alasan bijak kerana negara kita belum lagi miskin dengan segala bahan ini sama ada bertulis atau tidak, bahkan di setiap negeri, terdapat muzium tempat menyimpan,

merekod, dan memelihara khazanah sejarah untuk kemudahan membuat rujukan. Profesor dan ahli akademik juga sedia menunggu di mana-mana universiti di negara kita sekiranya mahu penjelasan lebih lanjut. Bimbang dengan pasaran? Rasanya ini sesuatu yang subjektif. Tetapi sekiranya apa-apa filem, tidak kira sama ada bertema patriotik atau filem bercorak popular, sekiranya dihasilkan dengan baik, pasti menarik penonton ke panggung. Lihat sahaja filem bertema sebegini dari Hollywood yang menembusi tayangan negara kita seperti *The Patriot* (2000), *Saving the Private Ryan* (1998), (sekadar menyebut beberapa nama) bukan sahaja mendapat sambutan yang baik, bahkan mampu bertahan rata-rata dalam masa dua bulan di panggung seluruh negara.

Bertolak dari sini, satu kajian secara terperinci harus dilakukan terhadap persoalan mengapa filem bertema patriotik sukar diusahakan di negara kita dan apa masalah yang menghalanginya. Dua contoh di atas iaitu *Pahlawan Pasir Salak* dan *Putera Merdeka* adalah contoh terbaik sebagai antara kajian kes.

5.5 Kesimpulan

Umumnya kerja penyuntingan adalah satu kerja estetika yang seharusnya membawa filem ke garis yang paling mudah untuk difahami. Andre Bazin percaya bahawa estetika dan psikologikal merupakan mercu tanda kepada kekuahan filem dan sinema kerana filem itu bukan sahaja gambar yang menggambarkan tetapi gambar yang bergerak dan bernafas demi mewujudkan satu orde dunia daripada seseorang pembikin filem. Namun kemesraan di antara estetika dan psikologikal dalam kerja filem mestilah seimbang kerana lampau estetik akan menyebabkan filem menjadi terlalu kanvas (lukisan) sehingga tidak terbaca naratif, makna, dan seninya akibat kesan-kesan simbolik, abstrak, dan garis yang berlambak dan tidak terencana. Manakala jika terlalu mementingkan psikologikal pula filem akan menjadi tempat perkumpulan subjek yang sangat luas dan banyak sehingga boleh menyebabkan segala kerja filemik kelihatan terlalu bergantung kepada tuntutan realisme kehidupan realiti di luar harapan layar pawagam.

Nota hujung

1. Mohd. Nor Hj. Ab. Ghani (terj.), 1982. "Obsesi Seorang Pengarah: Filem Sebagai Pernyataan Diri" dlm. *Dewan Budaya*, Jun, hlm. 21.
2. Hatta Azad Khan, 1997. *The Malay Cinema*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 151-153.
3. Dr. Anuar Nor Arai dan Sujiah Salleh, 1994. "Keperluan Pendidikan Formal di Malaysia: Bentuk, Rasional dan Sikap." Kertas Kerja Simposium Filem Sebagai Media Komunikasi anjuran FINAS sempena Festival Filem Malaysia Ke-5.